

# PERMASYHURAN KEMERDEKAAN

## Persekutuan Tanah Melayu Merdeka

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi amat mengasihani. Segala pujian bagi Allah yang Maha Berkuasa dan selawat dan salam ke atas sekalian Rasul-Nya.

Bahawasanya oleh kerana telah tiba masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia, dan bahawasanya oleh kerana perjanjian yang disebut namanya “ Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957” yang diperbuat antara Duli Yang Maha Mulia Baginda dan Queen dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri-Negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak serta negeri yang dahulunya dinamakan Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang, mulai daripada 31 haribulan Ogos 1957 hendaklah menjadi sesebuah Persekutuan baharu bagi negeri-negeri yang bernama “ Persekutuan Tanah Melayu”.

Dan bahawasanya oleh kerana telah bersetuju pula di antara kedua pihak yang tersebut iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 dan segala perjanjian-perjanjian lain yang ada sekarang di antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau pun salah seseorang daripada baginda-baginda itu, sebelum tarikh yang tersebut hendaklah dibatalkan daripada tarikh itu, dan semua kuatkuasa-kuatkuasa dan hak-hak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen atau pun Parlimen Negeri United Kingdom dan negeri-negeri selat yang tersebut itu atau pun yang berhubung dengannya atau negeri-negeri Melayu atau pun Persekutuan Tanah Melayu seluruhnya adalah tamat dengan sendirinya.

Dan bahawasanya oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, Parlimen negeri United Kingdom dan Majlis-majlis Undangan Persekutuan dan negeri-negeri Melayu telah meluluskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 itu berjalan kuatkuasanya. Dan bahawasanya oleh kerana sebuah perlembagaan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditentukan menjadi suatu kanun yang muktamad baginya.

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan Persekutuan tersebut itu, maka ada disediakan syarat untuk menjaga keselamatan dan hak-hak dan keutamaan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja serta hak-hak asasi kebebasan sekalian rakyat dan untuk memejukan Persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai serta teratur sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan yang berdasarkan demokrasi cara parlimen.

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan Persekutuan yang tersebut itu telah diluluskan oleh suatu undang-undang yang diadakan oleh Majlis Undangan Persekutuan, serta dengan undang-undang yang diadakan oleh Majlis Undangan Persekutuan serta dengan undang-undang yang diadakan di negeri-negeri Melayu dan dengan ketetapan-ketetapan di dalam Majlis Undangan negeri Melaka dan Pulau Pinang, dengan demikian Perlembagaan itu berjalan kuatkuasanya pada 31 haribulan Ogos 1957.

Maka dengan nama Allah yang maha murah lagi maha mengasihani, saya tengku Abdul Rahma Putra Ibnu al-marhum Sultan Abdul Hamid Halim Syah, Perdana Menteri Tanah Melayu dengan persetujuan dan perkenan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri-Negeri Melayu dengan ini memasyhurkan dan mengisytiharkan bagi pihak umat Persekutuan Tanah Melayu, bahawa mulai daripada 31 Ogos 1957 maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi di dalamnya negeri-negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah *subhānahu wa Ta’ālā* akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa.

Kuala Lumpur  
31 haribulan Ogos 1957

Tengku Abdu Rahman Putra  
Perdana Menteri